

UCAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI PULAU PINANG
DR. LIM CHONG EU DI UPACARA PEMBUKAAN CENTRAL
INDUSTRIAL CORPORATION SDN. BHD. PADA HARI
SABTU, 24HB SEPTEMBER 1977 JAM 10.30 PAGI
DI LOT 683, KIMPLEKS PERINDASTRIAN PRAI, PRAI

Pengerusi dan Lembaga Pengarah-Pengarah Central
Industrial Corporation Sdn. Bhd.,

Dzif-dzif yang dihormati,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada

Pengerusi dan Lembaga Pengarah-Pengarah Central

Industrial Corporation Sdn. Bhd. kerana sudi men-

jemput saya untuk meresmikan pembukaan kilang pada

pagi ini.

2. Pembukaan resmi Central Industrial Corporation
sesungguhnya merupakan satu majlis yang gemilang

- 2 -

kerana ia menandakan satu tapak lagi ke hadapan
bagi Negeri Pulau Pinang di dalam usahanya mengekalkan
arah dan jarak pembangunan perindustrian di dalam
negeri.

3. Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi
tahniah kepada Central Securities Holdings dan
Four Pillars Enterprise Co. Ltd., Taiwan kerana
telah bercantum usaha bersama-sama untuk menubuhkan
sebuah kilang bagi memproses "pressure sensitive
self-adhesive tapes" Saya adalah difahamkan bahawa
Central Industrial Corporation adalah berorientasikan
ekspot dan 50% (peratus) daripada hasil pengeluarannya
sedang diekspot kepada negara-negara ASEAN, Hong

Kong, Australia, Eropah dan Afrika. Usaha mengeksport ini amat baik kerana ianya secucuk dengan dasar Kerajaan dalam menggalakkan perusahaan-perusahaan yang berorientasikan-ekspot dan dengan itu menambahkan pendapatan wang asing kita. Central Industrial Corporation menghasilkan pendapatan wang asing sebanyak \$2/- juta dan ini saya yakin adalah satu sumbangan besar terhadap perkembangan ekonomi pada keseluruhannya bukan sahaja di dalam Negeri Pulau Pinang tetapi juga di Negara amnya.

4. Kerajaan Negeri sedang giat berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan sosial dan ekonomi di dalam

Negeri Pulau Pinang demi membawa kemakmoran yang lebih kepada rakyat kita. Kita berazam untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan agensi-ajensinya telah giat menjalankan rancangan-rancangan Malaysia Ketiga dan kita tidak akan meninggalkan apa-apa usaha atau langkah untuk menentukan supaya projek-projek dilaksanakan mengikut jadual dan dalam konteks memperindustrikan dan memperbandarkan kawasan-kawasan luar bandar, meluaskan dan mempelbagaikan perusahaan yang bercorak

agro-horticultural serta pembaharuan bandar di dalam Negeri.

5. Di sini saya ingin menyatakan bahawa rancangan perindustrian di dalam Negeri amat berkesan. Pada hujung tahun 1977 sebanyak 108 buah kilang baru telah mula menjalankan perusahaannya di berbagai-bagai Kawasan Perusahaan dan telah dapat memberi pekerjaan secara langsung kepada seramai 35,352 orang. Di samping itu, terdapat 70 unit kilang MIEL yang telah juga menguntukkan pekerjaan kepada seramai 3,463 orang. Kerajaan Negeri tetap berazam untuk meneruskan dengan dasarnya iaitu meneruskan

usaha-usaha selanjutnya dalam memajukan perindustrian bagi mengujudkan pekerjaan yang lebih banyak di dalam Negeri. Tujuan ini patut dicapai kerana pada tiap-tiap tahun, kira-kira 12,000 orang murid-murid meninggalkan sekolah dan memasuki pasaran buruh. Di samping itu, usaha-usaha akan digiatkan lagi untuk mencapai lebih banyak pelbagaian di dalam sektor perindustrian dengan menubuhkan lebih banyak perusahaan yang mempunyai mutu teknologi yang lebih tinggi.

6. Sementara ini kita tidak akan meninggalkan usaha dalam menggalakkan pembangunan perindustrian di dalam Negeri, dan kita harus patut menghargai

bahawa kemerosotan sedunia dalam masa dua tahun yang lalu telah membawa kesan-kesan yang serius di atas jarak pembangunan perusahaan usaha-bersama di dalam Negeri Pulau Pinang. Walau pun kesan-kesannya terhadap ekonomi dalam ertikata memberhentikan pekerjaan-pekerjaan setakat mana yang mampu, kemerosotan sedunia juga mengakibatkan bakal-bakal pelabur bersikap berhati-hati. Di samping faktor kemerosotan sedunia terdapat beberapa orang yang berasa bahawa pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian juga memainkan peranan untuk mempengaruhi sikap bakal pelabur-pelabur. Saya yakin pindaan-pindaan baru-baru ini di Parlimen

dan kenyataan-kenyataan ulangan dasar-dasar kerajaan untuk melaksanakan Akta ini dengan adil dan praktikal akan bantu mengurangkan kebimbangan sektor swasta, samada asing atau tempatan, dan untuk memulihkan keyakinan di dalam iklim pelaburan Malaysia pada amnya dan Pulau Pinang khususnya. Di sini saya ingin menambahkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan telah pun memberi keyakinan bahawa bakal pelabur-pelabur tidak perlu bimbang akan Akta Penyelarasan Perindustrian.

7. Kita akan terus berusaha untuk mengekalkan jarak dan pembangunan Perindustrian di dalam Negeri. Pada hari ini kita juga akan menitikberatkan atas pembangunan sektor-sektor ekonomi lain untuk menambahkan

dan mempesatkan perkembangan yang dicapai oleh sektor perindustrian dan dengan itu memperluaskan dan mengukuhkan lagi asas ekonomi Negeri. Perhatian khususnya akan diberi kepada meninggikan industri-industri hubungan berasaskan tempatan.

8. Dengan pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri kini sedang berazam untuk menyatukan usaha bagi mempesatkan rancangan perumahannya.

Menjelang akhir tahun ini, adalah dianggarkan bahawa kira-kira 2,000 yunit rumah akan siap dibina dan diduduki. Jenis rumah meliputi spectrum yang luas dan akan menampung keperluan semua peringkat kumpulan

pendapatan. Walaupun keutamaan akan diberi terhadap pembinaan rumah-rumah bagi golongan yang berpendapatan rendah. Oleh kerana rancangan pembinaan rumah adalah satu rancangan yang luas dan objektif Kerajaan bagi membina lebih banyak rumah kepada rakyat dan dengan itu memperbaiki taraf hidup di dalam Negeri kita.

9. Selain daripada menguntukkan rumah, Kerajaan Negeri akan menentukan supaya semua projek pembangunan-nya akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sibiik dan sosial yang mencukupi seperti taman permainan kanak-kanak, pusat membeli-belah dan lain-lain kemudahan untuk mengekalkan penghidupan rakyat kita serta memajukan mutu hidup mereka.

10. Penglibatan dan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan Negara amat penting untuk mencapai perkembangan yang sewajarnya dalam bilang ekonomi, sektor swasta dan awam harus menjadi pihak berkongsi dalam pembangunan - menambahkan dan menyatukan usaha di antara satu sama lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn telah menegaskan ini dengan jelasnya dan saya petik "Malahan sektor ini adalah diminta menyediakan pembentukan modal yang utama di bawah Rancangan ini. Ini berbeza dengan Rancangan Malaysia Kedua di mana pelaburan awam merupakan punca utama." "Pentadbiran saya bertujuan, untuk mencari perkongsian yang bertanggungjawab dan

berkesan dengan sektor swasta supaya bersama-sama mereka matalamat-matalamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai pada tingkat dan dengan cara yang memberi faedah kepada kedua-dua sektor swasta dan negara keseluruhannya."

11. Di Negeri Pulau Pinang skop bagi penyertaan sektor swasta amat besar. Pembangunan di kedua-dua pusat pertumbuhan baru Bandar Bayan Baru dan Seberang Jaya termasuk rancangan jangka masa panjang yang memerlukan bantuan dan penyertaan daripada sektor swasta. Kedua-dua pusat ini dirancang untuk menjadi dua bandar yang baru. Kita semua mesti menghargai bahawa pembangunan bandar ini bukanlah

satu perkara yang mudah. Tanya memerlukan usaha bersama daripada pihak swasta dan umum dan juga rakyat jelata oleh kerana bandar-bandar ini direka dan dibina untuk rakyat dan oleh yang demikian penyertaan rakyat sendiri amat perlu.

12. Pencapaian-pencapaian pembangunan socio-ekonomi di dalam Negeri Pulau Pinang adalah sesuatu dimana rakyat Pulau Pinang patut berasa bangga. Adalah baik jika usaha-usaha kita yang terkemuka ini dapat ditunjukkan bukan sahaja kepada penduduk di dalam negeri kita sahaja tetapi juga kepada seluruh Negara. Salah satu cara yang boleh kita mencapai tujuan ini ialah melalui pameran-pameran dan pesta-

pesta perdagangan. Kerajaan Negeri telah pun memajukan satu kawasan di Sungai Dua di Pulau Pinang bagi maksud menubuhkan satu tapak pameran yang tetap.

Saya harap semua kilang, samada mereka menjadi ahli-ahli Persekutuan Pengusaha-Pengusaha Malaysia (Federation of Malaysian Manufacturers) atau tidak, akan tampil ke hadapan dan bekerjasama dengan penganjur-penganjur Pesta Pulau Pinang yang akan mengadakan Pesta Perdagangan dan Perusahaan tahun ini di tapak baru ini. Pengusaha-Pengusaha boleh membantu Kerajaan dengan mendirikan binaan-binaan tetap mereka sendiri yang boleh digunakan setahun ke setahun untuk mempamerkan hasil-hasil keluaran mereka. Pameran sedemikian akan mem-

bolehkan semua pengeluar barang-barang untuk pasaran di Pulau Pinang untuk mempamerkan hasil mereka dan juga menerima pesanan di tapak itu.

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua kilang dan ahli-ahli Persekutuan Pengusaha-Pengusaha Malaysia yang telah memberi sumbangan dan bantuan dalam menjayakan Festa Pulau Pinang sebagai satu acara tahunan di dalam kegiatan-kegiatan Negeri. Saya harap mereka akan terus memberi sokongan yang sewajarnya di dalam Festa-Festa Pulau Pinang yang akan datang dan juga untuk menganjurkan pameran-

pamiran hasil keluaran mereka pada asas seperti

"Ideal Home" atau "gadgets and Instruments" atau

"Motor show".

14. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi,

Kerajaan Negeri telah melancarkan satu rancangan

pembangunan yang raksasa di bawah Rancangan Malaysia

Ketiga. Dalam kaitan ini, Kerajaan memerlukan kerja-

sama dan sokongan semua rakyat untuk menentukan

supaya rancangan-rancangan dapat dilaksanakan mengikut

jadual. Saya yakin rakyat Pulau Pinang akan bekerja-

sama rapat dengan Kerajaan untuk mengekalkan keamanan,

keselamatan dan kebahagiaan masyarakat kita dalam

menghadapi cabaran-cabaran di dalam tugas pembangunan

Negara demi mencapai satu masyarakat yang adil dan saksama. Oleh yang demikian, saya merayu kepada rakyat Pulau Pinang supaya mengambil bahagian yang aktif dalam rancangan-rancangan Kerajaan seperti kegiaran-kegiatan masyarakat misalnya Rukun Tetangga, Rela dan Pemadam supaya dapatlah kita bersama-sama mengatasi masalah-masalah yang dihadapi buat masa sekarang.

15. Saya telah mengambil kesempatan di Majlis pembukaan Central Industrial Corporation untuk merujuk kepada corak pembangunan ekonomi di Negeri Pulau Pinang kerana Central Industrial Corporation

mewakili salah satu daripada pertubuhan pengeluar-pengeluar kilang yang berjaya dan entreprising di negeri kita. Loy Tape ialah salah satu daripada usaha pertama yang ditubuhkan di Estate Terindustrian Prai semasa perkembangan ekonomi di negeri Pulau Pinang yang berlaku bertentangan di latar belakang 'inertia' ekonomi yang terdapat di Pulau Pinang. Tada hari ini pembangunan usaha ini dibawah Central Securities Holding bersama-sama dengan Four Pillars Enterprise Taiwan untuk menubuhkan Central Industrial Corporation menandakan suatu majlis yang penting dalam pembangunan kemudahan-kemudahan industri di Negeri kita yang begitu cepat selepas kemerosotan kewangan dunia.

16. Central Industrial Corporation adalah suatu 'harbinger' kepada sesuatu yang akan jadi didalam peringkat pembangunan industri di Pulau Pinang yang akan datang. Saya percaya majlis yang bahagia ini menandakan usaha baik untuk Pulau Pinang.

17. Saya juga berasa gembira untuk mengetahui bahawa Central Industrial Corporation dapat mencapai penyusunan 30% (peratus) mengikut kaum di dalam struktur pekerja-pekerjanya. Usaha tuan-tuan ke arah ini sesungguhnya adalah selaras dengan konsep penyusunan semula. Saya yakin sektor pembuatan di Pulau Pinang akan memainkan peranan yang positif di

dalam rancangan penyusunan semula Negeri di samping mengujudkan peluang-peluang pekerjaan.

18. Sebagai penutup, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucap selamat kepada Pengerusi, Lembaga Pengarah-Pengarah dan kakitangan Central Industrial Corporation Sdn. Bhd. dan mengucapkan Selamat Maju Jaya dalam kegiatan-kegiatan Syarikat di tahun-tahun yang akan datang.

Sekarang dengan gembiranya saya mengisytiharkan Central Industrial Corporation Sdn. Bhd. sebagai dibuka dengan resminya.

Sekian, terima kasih.